قجابة ستيأوسها كراجان نكري كلنتن
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,
15503 KOTA BHARU
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957
Pengarah : 09-748 5826
Faks : 09-747 0890 /
: 747 4152 / 748 2652
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)15/3 JLD.2 (63)
Bertarikh : 16 Rejab 1442H
28 Februari 2021

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YB.Dato'/ YBhg.Dato'/ Tuan / Puan,

PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN DARIPADA ANCAMAN KEBOCORAN

Dengan hormatnya saya merujuk surat Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri rujukan: KPKK (R) 600-2 Jld.2 (4) bertarikh 27 Januari 2021 mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penggunaan media sosial seperti *WhatsApp, facebook, twitter* dan *telegram* sebagai salah satu medium penyampaian dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan merupakan **kaedah yang tidak selamat serta bertentangan dengan peruntukan di perenggan 131, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)**. Ini kerana, dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan yang dihantar melalui media sosial tersebut sukar dikawal dan boleh menyebabkan berlakunya insiden kebocoran dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan sehingga menjejaskan imej serta memberi reputasi yang tidak baik kepada pentadbiran Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperingatkan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing supaya sentiasa melindungi serta menjaga kerahsiaan dokumen dan maklumat rahsia

rasmi dan **tidak menggunakan medium media sosial untuk menghantar dokumen atau maklumat rahsia rasmi Kerajaan**. Dalam hal ini, semua pegawai awam memainkan peranan penting untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan apabila mengendalikan dokumen rahsia rasmi Kerajaan pada setiap masa dan di mana jua lokasi.

4. **Ketua Jabatan juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai awam di bawah seliaan** masing-masing yang cuai dan tidak mematuhi peraturan keselamatan ditetapkan sehingga mengakibatkan kebocoran maklumat Kerajaan berlaku melalui peruntukan peraturan dan undang-undang sedia ada. Sebarang kebocoran rahsia rasmi yang disampaikan melalui medium yang tidak selamat adalah menjadi tanggungan penghantar rahsia rasmi tersebut. Tindakan tatatertib boleh diambil jika siasatan mendapati berlakunya pelanggaran keselamatan.

5. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan tersebut sebagai panduan pihak YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan untuk rujukan dan tindakan hebahan kepada pegawai dan kakitangan di bawah seliaan Jabatan/ Agensi masing-masing.

6. Di atas kerjasama dan perhatian YB.Dato'/ YBhg.Dato'/Tuan/Puan dalam perkara tersebut diucapkan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, ***D.P.S.K (Kelantan)***
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3834
Web : http://www.jpm.gov.my
Emel : jpm@jpm.gov.my

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN
(Pengurusan)
09 FEB 2021
DITERIMA

254

Rujukan Kami : KPKK (R) 600 – 2 Jld. 2 (4)

Tarikh : 27 Januari 2021

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
TERIMA
09 FEB 2021
NEGERI KELANTAN DARUL NAIM

SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN
07 FEB 2021
Jam: ____ am/pm
DITERIMA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PERINGATAN BERHUBUNG KEPENTINGAN MELINDUNGI KERAHSIAAN MAKLUMAT KERAJAAN DARIPADA ANCAMAN KEBOCORAN

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berkaitan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penggunaan media sosial seperti *WhatsApp, facebook, twitter* dan *telegram* sebagai salah satu medium penyampaian dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan merupakan **kaedah yang tidak selamat serta bertentangan dengan peruntukan di perenggan 131, Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)**. Ini kerana, dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan yang dihantar melalui media sosial tersebut sukar dikawal dan boleh menyebabkan berlakunya insiden kebocoran dokumen dan maklumat rahsia rasmi Kerajaan sehingga menjejaskan imej serta memberi reputasi yang tidak baik kepada pentadbiran Kerajaan.

6. Kerjasama, perhatian dan tindakan YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dalam usaha melindungi kerahsiaan maklumat Kerajaan yang merupakan tanggungjawab kita bersama.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHD SALLEHHUDDIN BIN HASSAN)

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali**
   Ketua Setiausaha Negara

2. **YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman**
   Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

3. **YBhg. Datuk Dr. Marzuki bin Mohamad**
   Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri

4. **YBrs. Khairul Anwar bin Haji Zakaria**
   Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

DATO' SAYA SETIA
DATO' NAZRAN BIN MUHAMMAD P.J.N. S.P.S.K. (Kelantan)
SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PENGURUSAN)

TSUK (PEMB.)	
TSUK (PENG.)	✓
PGH/ BPSM	
PGH BKPK	
PGH UPEN	
PGH AIR	
PENGARAH K.T	
PGH. BPTM	
PGH. INTEGRITI	
KPSU (KHID. PENG.)	
KPSU (MMK)	
KPSU (PEMBANGUNAN)	
KUAD	
KPSU (KORP)	
KPSU (PELANCONGAN)	
PEG. PEMB. NEGERI	
PEG. KHAS (PK)	
PSU (KEWANGAN)	
PSU (PROTOKOL)	
PSU (PENTADBIRAN)	
SUP	
NOTA:	

(52) **YB DATO' AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Aras 1, Bangunan Perak Darul Ridzuan
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK.

(53) **YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Aras 1, Bangunan Dato' Jaafar Muhammad
Kota Iskandar
79000 Iskandar Puteri
JOHOR.



(54) Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Aras 4, Mabna MBI (Blok 8)
Kompleks Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu
KELANTAN.

(55) **YB DATO' MOHD ZAHARI BIN MD AZAHAR**
Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Tingkat 15, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu
TERENGGANU.

(56) **YB DATO' PADUKA AMMAR BIN DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM**
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Aras 4, Blok B, Wisma Darul Aman
05503 Alor Setar
KEDAH.